KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

TEKS UCAPAN:

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN OGOS 2024 DAN PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

TARIKH/MASA:

15 OGOS 2024 (KHAMIS) / 8.30 PAGI

TEMPAT:

DEWAN SERI LESTARI

ARAS B1, KKDW

Terima Kasih Saudara/ Saudari Pengerusi Majlis, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan.

SALUTASI

(Akan diberikan pada hari program)

MUKADIMAH

1. Saya mulakan ucapan dengan memetik kata-kata Allahyarham Tunku Abdul Rahman:

   "Merdeka adalah kunci kepada kemajuan dan asas di mana kita membina sebuah negara yang makmur dan bersatu."

2. Perhimpunan bulanan kali ini membawa semangat berbeza berbanding sebelumnya. Hari ini, kita bertemu dalam suasana semarak bulan Kemerdekaan yang sewajarnya membawa kita kembali merenung, menyingkap dan menginsafi semangat pejuang terdahulu bermandi darah, keringat dan air mata untuk memerdekakan negara - menjulang martabat penyatuan bangsa hingga lahirnya tanah air yang merdeka.

3. Merekalah yang mengatur langkah menggalas amanah, merintis jalan kemerdekaan agar tanah tumpah darah kita ini bebas daripada belenggu penjajah. Pengorbanan mereka membolehkan kita kini berdiri megah sebagai bangsa bermaruah.

4. Merdeka ini menjadi kunci untuk kita berdikari membawa kemajuan dan kemakmuran agar menjadi bangsa yang hebat. Merdeka menjadi asas untuk kita berganding bahu mengisi pembangunan untuk dinikmati segenap lapisan rakyat.

5. Merdeka adalah kebebasan dalam membuat tindakan, keputusan, tidak terikut dan terikat dengan amalan adat resam – tetapi masih dipandu undang-undang, peraturan dan tatacara yang membentuk sebuah negara bangsa.

6. Begitulah kita dalam era digital ini, perlu terus berusaha dalam memartabatkan negara dengan memaknai erti kemerdekaan dari segi jiwa dan sebuah pemikiran yang merdeka - mengikut citra semasa. Malah, Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024 kali ini juga telah dipersetujui untuk mengangkat tema “**Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka”**.

7. Bapa Kemerdekaan sekali lagi menyebut :

“Merdeka itu bukanlah suatu benda yang mudah boleh didapati, melainkan dikehendaki untuk mendapatkannya - itu lah pengorbanan yang sebenar pengorbanan.

…dengan kerananya (tanah air) kita terpaksa mengorbankan, bukan sahaja wang ringgit dan usaha tenaga bahkan ***jiwa kita sendiri*** *juga...”*

8. Jadi, sambutannya akan jauh lebih bermakna seandainya tersemat jiwa merdeka di dalam diri kita semua – lantas memastikan semangat kebebasan dan cinta kepada tanah air terus hidup dan menyala, sekali gus menjadikannya satu hari yang melakar corak masa depan lebih gemilang buat Malaysia.

ERTI MERDEKA BUAT PENJAWAT AWAM

9. Kemerdekaan negara tidak datang bergolek. Ia hadir bersama pengorbangan yang perlu dipertahankan. Perjuangan menuntut kemerdekaan dahulu semestinya berbeza dengan apa yang perlu kita teruskan sekarang.

10. Dalam era modenisasi ini, bentuk penjajahan tidak lagi sama seperti era kolonial – kita bukan mempertahankan

kemerdekaan diperjuangkan oleh wira-wira terdahulu – tetapi kita mempertahankan penjajahan moden dalam bidang ekonomi, teknologi dan budaya yang rakus mempengaruhi perkembangan minda anak Malaysia.

11. Kerjaya yang kita pilih sebagai penjawat awam ini mempunyai peranan dan tanggungjawab tersendiri untuk mempertahankan kemerdekaan negara.

12. Apa juga yang dilakukan hari ini, ia memaknai erti merdeka yang sebenar dan memberi peluang untuk kita menyumbang ke arah pembangunan negara. Malah, kalau boleh saya katakan bagi penjawat awam – merdeka itu boleh memberi makna perjuangan anda untuk membebaskan masalah yang dihadapi oleh rakyat.

13. Jika dilihat dalam konteks kemajuan desa, menjadi tanggungjawab kita untuk membawa warga pedesaan keluar daripada kepompong kemiskinan, memberikan insfrastruktur terbaik bagi memberi kehidupan yang lebih sempurna dan mengubah taraf sosio-ekonomi masyarakat desa untuk menjadi penyumbang kepada kemajuan negara.

14. Saya berharap nilai kemerdekaan dapat digarap oleh warga KKDW dengan sepenuh jiwa. Lihat kemerdekaan ini dalam skop yang lebih luas dan saya percaya bila kita menerapkan perjuangan kemerdekaan ini dalam tugas hakiki kita –

InsyaAllah ia akan selari dengan prinsip kemerdekaan sebenar yakni bebas menentukan pemerintahan dan hala tuju negara.

KEWUJUDAN KKDW PASCA MERDEKA DAN INTROSPEKSI DIRI

15. Seawal kemerdekaan dahulu, fokus utama Kerajaan adalah untuk membangunkan ekonomi agar ianya membawa kepada kestabilan dan kemakmuran negara. Tumpuan telah diberikan kepada perancangan desa untuk mengurangkan kemiskinan dan juga menyediakan prasarana asas seperti sekolah, perkhidmatan kesihatan, pembinaan jalanraya, bekalan air bersih, penyaluran tenaga eletrik dan jaringan komunikasi.

16. Matlamatnya untuk meningkatkan mutu kehidupan rakyat yang berada di pedesaan. Ketidak seimbangan pembangunan dan kesenjangan sosial antara bandar dan luar bandar amat ketara. Malah, masyarakat di ceruk kampung amat jauh dari arus pembangunan dan tersisih daripada kemajuan.

17. Justeru, Tunku Abdul Rahman mewujudkan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (KPNLB) pada

tahun 1959, kemudiannya ditukar kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar (KPLB) dan kini, di bawah Kerajaan Perpaduan ianya dikenali sebagai Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

18. Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan pembangunan yang inklusif dan seimbang dapat mengisi kemerdekaan agar masyarakat luar bandar bebas merdeka dari kemunduran, keciciran dan kemiskinan. Sejak dari merdeka hingga kini, pelbagai agensi juga telah diwujudkan hasil cetusan pendiri-pendiri bangsa yang terdahulu yang mahukan pembangunan luar bandar dapat diperkasakan.

19. Saya kongsikan sejarah KKDW pasca merdeka hingga kini bukan dengan niat untuk bernostalgia mengenang perkara yang lampau. Tetapi, kita ambil masa untuk bermuhasabah dan mengadakan *introspeksi* diri, apakah kita benar-benar mewarisi legasi yang telah ditinggal kepada kita ini, dengan penuh amanah dan dedikasi.

20. Amat malu dan menyedihkan sekiranya kita menyambung legasi ini secara sambil lewa - tanpa usaha mencipta pembaharuan dan tiada kesedaran untuk membuat perubahan yang mampu melonjakkan pencapaian.

DAHULU DAN HARI INI

21. Dahulu, KKDW memerangi kemiskinan dan menyediakan infrastruktur asas. Hari ini, kita gapai pembangunan infrastruktur lebih canggih dan moden ke arah menjana ekonomi mampan bagi menoktahkan kemiskinan.

22. Dahulu kita beri tumpuan pendidikan latihan bidang pertanian dan kemahiran asas. Hari ini, orang kampung teruja menghantar anak ke China untuk mendalami bidang TVET yang kian ketara signifikannya.

23. Dahulu, borak kedai kopi kampung berkisar soal jentera pertanian baharu. Hari ini, kita rancak bercerita mengenai kecerdasan buatan atau AI, Internet Pelbagai Benda atau IOT dan banyak lagi sambil jari sibuk membelek Facebook dan TikTok.

24. Apa mesej tersiratnya? Zaman berubah. Dahulu dan sekarang jauh bezanya. Justeru, kita juga perlu mengubah pendekatan, menganjak pemikiran untuk sentiasa mencipta kelainan. Berubah kepada budaya kerja lebih cekap untuk membawa impak positif kepada agensi dan masyarakat.

MENYAMBUNG LEGASI, MEMBINA GENERASI

25. Sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri KKDW, saya ingin mengajak warga KKDW semua untuk memerdeka dan membebaskan pemikiran, pendekatan serta tindakan kita daripada sikap hanya menyambung apa yang sedia ada. Jiwa merdeka yang ada mahu mencipta kelainan demi kelainan dari semasa ke semasa.

26. Atas asbab itu, di bawah KEMAS, kita perkenalkan pra-tahfiz Tabika KEMAS. Kita angkat TVET sebagai satu agenda besar bagi meningkatkan kemahiran anak bangsa. Kita cetuskan TVET Tahfiz agar para huffaz lengkap dengan kemahiran memasuki pasaran kerja serta lain-lain usaha.

27. Sebagai Menteri yang mewarisi kemudi bahtera pelayaran kementerian ini, hasrat saya pastinya ingin melihat kita cemerlang di dalam berperanan mensejahterakan luar bandar. Untuk itu, agensi-agensi yang bernaung di bawah KKDW ini mesti memberikan pulangan yang sewajarnya.

28. Sebab itulah, semasa Pemukiman Separuh Tahun Program Utama KKDW di Desaru baru-baru, saya berkeyakinan penuh 6 fokus utama KKDW bukan sahaja mampu mencapai sasaran pelaksanaan yang ditetapkan, tetapi saya yakin kita mampu mencipta kejayaan melebihi apa yang telah kita capai pada tahun lalu.

29. Saya berbangga melihat Kementerian kita berjaya menuju ke arah mentransformasikan syarikat milikan Agensi KKDW menjadi syarikat yang memperolehi keuntungan. Dengan erti kata lain, kita berjaya melepasi syarikat yang menjadi 'cost centre' kepada 'profit centre'.

30. Ini juga adalah hasil daripada tindakan proaktif dalam penetapan hala tuju syarikat dan juga pemantauan yang efektif ke atas pencapaian KPI syarikat yang ditetapkan pada awal tahun. Tahniah dan syabas saya ucapkan.

31. Saya turut mengucapkan tahniah diatas pelantikan Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Anuar selaku KSU serta tahniah diatas pelantikan Datuk Afandi bin Nordin sebagai TKSU (Dasar) dan En. Mohd Kamal bin Husin sebagai TKSU (Pembangunan).

32. Saya berharap Datuk KSU baru tidak lah terlalu terkejut. Datuk KSU masuk-masuk dah terus kena masuk Gear-5. Tapi begitu lah cara kita bekerja - *"The way to get started is to quit talking and begin doing."*

33. Saya ingin mengajak KSU, TKSU-TKSU dan semua yang hadir di hadapan saya pagi ini - sebagai penyambung legasi, fokus kita bukan hanya **memperkasakan agensi, tetapi**

yang lebih penting adalah untuk membina sebuah generasi.

PENUTUP

34. Sebelum mengakhiri ucapan saya – saya ingin mengucapkan tahniah kepada warga KKDW dengan semangatnya meraikan meraikan Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada tahun ini sehinggakan memperoleh pengiktirafan *Malaysia Books of Records* dalam menghasilkan Jalur Gemilang Terpanjang iaitu 129 meter dan Terbanyak Menggunakan Bahan Terpakai iaitu 171,823 Penutup Botol.

35. Saya rasa warga KKDW betul-betul menterjemahkan apa yang saya sebutkan di perhimpunan yang lalu untuk terus jadi yang terbaik di antara yang terbaik, kita tidak boleh mudah berpuas hati dengan apa yang telah dicapai, kita tidak boleh selesa, kita tidak boleh biasa-biasa. Tup, tup Rekod Malaysia yang KKDW cipta. Tahniah buat semua.

36. Sebelum melabuhkan tirai ucapan. Saya titipkan puisi ringkas buat seluruh pimpinan dan kakitangan Kementerian:

Dengan jiwa merdeka…

Kita merdekakan luar bandar dari kemiskinan…
Memberdaya masyarakat, membangun harapan…

Dengan jiwa merdeka…
Kita merdekakan budaya kerja dari kemalasan…
Mendorong tindakan penuh keikhlasan…

Dengan jiwa merdeka..
Kita jangan lupa perjuangan saudara kita di bumi anbiya' Palestin…

Dengan jiwa merdeka…
Kita merdekakan pemikiran dari belenggu ketakutan…
Menggarap idea-idea kecemerlangan…

Dengan jiwa merdeka…
Kita merdekakan potensi anak watan…
Membina generasi masa hadapan…

Selamat menyambut hari kemerdekaan…
Merdeka! Merdeka! Merdeka!